

16/05/2002

Umno mampu buat kejutan di Kelantan

KOTA BHARU, Rabu - Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed percaya Umno dan Barisan Nasional (BN) mampu membuat kejutan di Kelantan untuk mencapai kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, kejutan luar jangkaan itu boleh berlaku berdasarkan semangat rakyat memberi sokongan kepada Umno dan BN di negeri ini sekarang semakin meningkat.

Katanya, perubahan semasa sikap rakyat menunjukkan petanda positif peluang terbaik perlu digunakan untuk mengukuhkan Umno di Kelantan.

"Ini (perubahan sikap rakyat) petanda baik dan ahli Umno Kelantan juga semakin bersemangat berikutan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyuntik semangat baru dalam ucapannya pada sambutan ulang tahun Umno ke-56, baru-baru ini.

"Kita lihat sikap ahli Umno di Kelantan kini memahami betapa perlu kerja kuat untuk mencapai kemenangan pada pilihan raya umum akan datang.

"Sebenarnya, kalau kena cara, kita (Umno dan BN) mampu membuat kejutan kerana semangat rakyat terus meningkat dan mereka semakin tidak puas hati dengan prestasi kepemimpinan kerajaan Pas termasuk Menteri Besar, ahli Exco dan wakil rakyatnya.

"Ini adalah peluang terbaik kita harus gunakan untuk mengukuhkan kedudukan kita di Kelantan," katanya, di sini, semalam.

Pada sambutan ulang tahun Umno ke-56 di Stadium Melawati Shah Alam, Selangor minggu lalu, Dr Mahathir berkata, BN mampu memperoleh kemenangan lebih besar pada pilihan raya umum akan datang berdasarkan keyakinan rakyat yang semakin menebal terhadap parti pemerintah.

Katanya, parti lawan patut rasa gentar dan takut kerana masa untuk mereka akan tiba tidak lama lagi.

"Pada pilihan raya umum 1999 lalu, ketika hangat orang membenci kerajaan, BN sanggup mengadakan pilihan raya dan menang dengan majoriti tiga perempat kerusi Dewan Rakyat," katanya.

Ditanya persediaan Umno Kelantan menghadapi pilihan raya berikutan Dr Mahathir memberi bayangan kemungkinan pilihan raya umum akan datang lebih awal, Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, sememangnya Umno perlu sentiasa berada dalam keadaan sedia.

(END)